

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)19**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

19. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar projek tambakan laut boleh hasilkan banyak karbon dioksida? Bagaimana menyelesaikannya serta mencapai bandar rendah karbon?
- (a) Senaraikan sesi Townhall yang diadakan oleh Konsultan/JAS. Huraikan hasil perbincangan.
  - (b) Projek pembangunan bercampur Tambakan Bagan Ajam akan mendedahkan rahsia ketenteraan Malaysia. Sila jelaskan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri sememangnya mengambil perhatian bahawa projek tambakan laut memberikan impak kepada alam sekitar. Sebagai tindakan susulan, Kerajaan Negeri telah meluluskan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 yang menggariskan pengawalan pencemaran alam sekitar melalui pendekatan teknologi hijau dan amalan *Low Carbon City Framework* (LCCF) melalui Dasar Perancang Utama 5.4 bagi mencapai bandar rendah karbon di negeri Pulau Pinang.

- (a) Jadual Kedua di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 memerlukan pameran dan ulasan awam. Pameran Awam Projek Pembangunan Bercampur Tambakan Bagan Ajam telah diadakan pada 13 September 2021 hingga 12 Oktober 2021.
- (b) Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian yang serius aspek rahsia ketenteraan Malaysia semasa pelaksanaan projek ini. Kerajaan Negeri telah mengadakan Mesyuarat Cadangan Pelan Induk projek ini yang turut dihadiri oleh Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) untuk membincangkan isu keselamatan, tanah dan sebagainya.